

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Horizon)

Hari/Tarikh: 17/6/2016

Muka surat: A1

Tajuk : PITAS anjur Majlis Iftar UNIMAS

PITAS anjur Majlis Iftar Jamaie UNIMAS



PUSAT Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UNIMAS menganjurkan Majlis Iftar Jamaie UNIMAS, baru-baru ini.

Majlis tersebut telah dihadiri warga dan pelajar UNIMAS termasuk Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi, Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, timbalan-timbalan naib canselor dan pegawai-pegawai kanan UNIMAS yang lain.

Para jemputan juga diajak sekali menunaikan solat Maghrib dan Isyak berjemaah serta solat tarawih berjemaah.

Pada majlis sama, turut diadakan penyampaian sumbangan berupa wang ringgit daripada Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak (MASNITA)

kepada 25 orang terdiri daripada warga emas, OKU dan anak yatim dari Kampung Pinang Jawa, Kuching, 33 orang kanak-kanak dari Madrasah Darul'Ulum dan 11 orang pelajar UNIMAS.

Pihak PITAS turut menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan dapur kepada 20 buah keluarga dari Kampung Muara Tuang, Kampung Sindang, Kampung Tanjung Tuang, Kampung Niup dan Kampung Melayu.

Antara objektif majlis ini diadakan ialah untuk melahirkan semangat kekeluargaan dan keaktifan dalam kalangan warga UNIMAS serta masyarakat sekitar sekali gus membuka peluang untuk warga UNIMAS berbuka puasa bersama-sama pada bulan Ramadan ini.